

SOALAN NO. 28**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN****MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA PARLIMEN KETIGA BELAS,****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2017 (RABU)

SOALAN :

**Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan statistik perkahwinan kanak-kanak di
seluruh negara mengikut negeri dan apakah kajian-kajian yang
telah dilakukan KPWKM ke atas perkahwinan bawah umur dan
impak ke atas mereka dan masyarakat.**

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Kehakiman Syariah (JKSM), bagi kes Perkahwinan Bawah Umur 18 Tahun untuk **Muslim**, data dari tahun 2007 sehingga bulan Oktober 2017 telah mencatatkan sebanyak 10,807 kes. Pada tahun 2007 tiga negeri yang mencatat kes tertinggi bagi Perkahwinan bawah 18 tahun adalah Sarawak (156 kes), Kelantan (144 kes) dan Sabah (125 kes). Manakala sehingga bulan Oktober 2017 jumlah kes tertinggi adalah negeri Kelantan (89 kes), Sarawak (81 kes) dan Sabah (72 kes).

Merujuk kepada rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi kes Perkahwinan Perempuan Bawah Umur 18 Tahun untuk **bukan Muslim** pula, data dari tahun 2007 sehingga bulan Oktober 2017 telah mencatatkan sebanyak 4,999 kes. Pada tahun 2007 tiga negeri yang mencatat kes tertinggi bagi Perkahwinan Perempuan bawah 18 tahun adalah Sarawak (112 kes), Johor (97 kes) dan Perak (49 kes). Manakala

sehingga bulan Oktober 2017 jumlah kes tertinggi adalah negeri Sarawak (73 kes), Pulau Pinang dan Perak (masing-masing 10 kes) dan Johor (25 kes).

Tuan Yang Dipertua,

Bagi kajian-kajian yang telah dilakukan KPWKM ke atas perkahwinan bawah umur, satu kajian telah dilaksanakan oleh beberapa orang ahli akademik dari Universiti Sains Malaysia pada tahun 2014 yang bertajuk "*A Study of the Incidences of Child Marriages in Malaysia and an in-Depth Study of Their Causes and Consequences*". Kajian ini telah melihat kepada punca dan akibat yang berlaku daripada perkahwinan bawah umur. Kajian ini antaranya menunjukkan:

- a. Taraf perkahwinan di dalam Banci 2010 tidak menunjukkan umur perkahwinan di bawah 15 tahun (taraf umur berkahwin yang dikeluarkan oleh Banci 2010 bermula dari 15 tahun sahaja). Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati terdapat kanak-kanak perempuan yang berkahwin di bawah umur 15 tahun;
- b. Lebih ramai kanak-kanak perempuan yang berkahwin di bawah umur berbanding kanak-kanak lelaki;

- c. Kebanyakan responden mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) semasa berkahwin dan bekerja dalam sektor tidak formal/bukan profesional. Ada di antaranya yang meneruskan pelajaran ke peringkat diploma selepas bercerai dan ada juga yang melanjutkan ke peringkat ijazah selepas beberapa tahun berkahwin; dan
- d. Kajian yang lebih mendalam dan dalam tempoh yang lebih lama diperlukan untuk meneliti elemen adat dan budaya dalam suatu kaum dan etnik di Malaysia yang boleh menyumbang kepada pencegahan perkahwinan bawah umur.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian mengambil pendirian bahawa kanak-kanak tidak digalakkan untuk berkahwin pada usia muda kerana mereka perlu diberi peluang untuk mengembangkan potensi sepenuhnya. Dari segi impaknya, perkahwinan bawah umur akan memberi cabaran meliputi tekanan daripada segi fizikal dan mental yang merangkumi pelbagai aspek seperti kesihatan, pendidikan, sosial dan kewangan terhadap seorang kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak perempuan. Membenarkan kanak-kanak berkahwin tanpa asas yang kukuh

bermakna meletakkan beban dan tanggungjawab berat sebagai suami isteri atau ibu bapa atas bahu mereka. Jika mereka belum bersedia dengan tanggungjawab berat ini, dikhuatiri ia membuka lebih ruang berlaku perceraian pada usia muda dan masalah-masalah sosial yang lain.